

Adat Kematian Masyarakat Borneo dan Asia: Satu Tinjauan Perbandingan dari Aspek Budaya dan Pendekatan Kajian

Abstract

Makalah ini diupayakan untuk membuat analisis perbandingan terhadap tinjauan literatur berhubung adat kematian masyarakat Borneo dan Asia. Penelitian bersifat kualitatif ini mengaplikasikan teknik analisis kandungan berdasarkan kajian pustaka terhadap beberapa kajian terdahulu dalam bentuk tesis sarjana dan doktor falsafah serta buku yang memperincikan adat kematian masyarakat Borneo dan Asia, antaranya masyarakat peribumi di Sabah, Sarawak, Indonesia dan Republik Rakyat Cina. Berpandukan kepada perspektif strukturalisme, tinjauan literatur berhubung kematian masyarakat Borneo dan Asia memperlihatkan beberapa konsep sejagat berhubung aspek ritual dan persamaan dari sudut pendekatan penyelidikan sarjana berkenaan. Makalah ini diharap mampu memberi sumbangan positif terhadap masyarakat berkenaan dan para pengkaji serta ahli akademik dalam bidang tertentu.